

22 AUG 1997

LION GROUP DAN FIRMA CHINA URUS PROJEK KILANG KERTAS & PERLADANGAN HUTAN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Syarikat Lion Group dan China Pulp & Paper Industry Co. Ltd hari ini memeterai perjanjian dengan kerajaan negeri Sabah untuk menguruskan projek perladangan hutan serta kilang kertas dan palpa bernilai RM4.3 bilion di negeri itu.

Projek itu yang dianggap sebagai pelaburan asing tunggal terbesar China dalam bahagian perladangan hutan dan kilang kertas di luar daripada negaranya, akan mempunyai kapasiti pengeluaran berjumlah 750,000 tan palpa dan 225,000 tan kertas setahun.

Perjanjian itu dimeterai di Jabatan Perdana Menteri di sini oleh Pengerusi Lion Group, Tan Sri William Cheng dan Naib Pengerusi suruhanjaya perancangan negara Chen Tong Hai, yang mewakili China Pulp and Paper Industry. Sementara itu kerajaan Sabah pula diwakili oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri China, Li Peng.

Menurut Lion Group, sebahagian besar pengeluaran akan dieksport ke China dan menghasilkan pendapatan pertukaran asing dan simpanan melebihi RM1 bilion setahun bagi Malaysia.

"Projek ini akan memberi manfaat kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar negara terutamanya kepada negeri Sabah. Kira-kira 6,500 jawatan kosong termasuk 200 jawatan bahagian teknikal dan pengurusan akan diwujudkan," tambah Lion Group.

Lion Group berkata dua syarikat usaha sama akan digabungkan setempat untuk menguruskan projek perladangan hutan serta kilang kertas dan palpa.

Syarikat usaha sama bagi projek perladangan hutan akan mempunyai struktur ekuiti 60 peratus bagi Malaysia dan 40 peratus bagi China, manakala bagi syarikat yang menguruskan kilang kertas dan palpa akan mempunyai struktur 40 peratus bagi Malaysia dan 60 peratus bagi China.

Bagi menjamin bekalan bahan mentah berterusan bagi kilang kertas dan palpa, projek itu akan menyediakan program pengurusan hutan sendiri yang termasuk menukar dan memulihkan semula tanah kontang dan terbiar kepada perladangan hutan yang produktif.

Dianggarkan 220,000 hektar kawasan perladangan hutan akan dibuka dengan pengeluaran tahunan 3.8 juta meter padu kayu palpa untuk menyediakan bahan mentah kepada kilang itu.

Lion Group berkata rakan kongsi ekuiti bagi projek itu juga sedang meninjau tapak lain yang berpotensi di Malaysia untuk membina kilang kertas dan palpa yang mempunyai kapasiti serupa. -- BERNAMA

ES ZK/sia